



SOALAN LAZIM (FAQ) BAGI PROGRAM PENJADUALAN SEMULA & PENYUSUNAN SEMULA GADAI JANJI (R&R)

1. Apakah Program Penjadualan Semula & Penyusunan Semula Gadai Janji (R&R)?

Program Penjadualan Semula dan Penstrukturan Semula Gadai Janji (R&R) ialah pilihan bantuan kewangan yang ditawarkan kepada pelanggan yang sedang mengalami kesukaran kewangan dalam membuat bayaran ansuran/bayaran bulanan.

2. Apakah jenis pelan bantuan bayaran yang ditawarkan di bawah Program R&R?

- Ansuran/bayaran dikurangkan melalui lanjutan tempoh pinjaman/pembiayaan; atau
- Ansuran/bayaran dikurangkan untuk tempoh tertentu, selepas itu ansuran/bayaran akan meningkat dan diteruskan pada jumlah yang lebih tinggi bagi baki tempoh pinjaman/pembiayaan (juga dikenali sebagai pelan bayaran “Step-up”).

3. Bagaimanakah cara untuk memohon Program R&R?

Anda boleh memohon melalui mana-mana saluran berikut:

- Emel (RHB Assist) : assistance@rhbgroup.com
- Telefon (RHB Assist) : 03-7498 2323 dan 03-7498 2222
(Isnin–Khamis: 8.45am-5.45pm | Jumaat: 8.45am-4.45pm)
- Lawatan : Cawangan RHB Bank terdekat

Permohonan anda akan disemak sewajarnya dan **tertakluk kepada penilaian lanjut serta kelulusan pihak pengurusan.**

4. Adakah saya perlu mengemukakan dokumen sokongan semasa memohon Program R&R?

Ya. Untuk memproses permohonan anda, dokumen berikut perlu dikemukakan:

- 1) [Surat Permohonan Penjadualan Semula & Penyusunan Semula \(R&R\) dan Penyata Pendapatan & Perbelanjaan Bulanan](#);
- 2) Dokumen Pengenalan Diri (NRIC/MyKad atau Pasport); dan
- 3) Dokumen Pendapatan:
 - a) Bagi Pekerja Bergaji:
 - i. Slip gaji / baucar bayaran / penyata komisen bagi tiga (3) bulan terkini; atau
 - ii. Penyata KWSP terkini (dengan pecahan caruman bulanan); atau
 - iii. Borang / penyata cukai pendapatan terkini yang menunjukkan pendapatan bercukai tahunan.
 - b) Bekerja Sendiri / Perniagaan Tunggal / Perkongsian:
 - i. Akuan Berkanun (SD); atau
 - ii. Penyata bank syarikat bagi tiga (3) bulan terkini.
- 4) Dokumen Sumber Pendapatan Lain:
 - a) Perjanjian sewaan (halaman berkaitan dengan sijil duti setem LHDN); atau
 - b) Resit sewaan; atau
 - c) Penyata bank bagi tiga (3) bulan terkini; atau
 - d) Akuan Berkanun (SD)



5. Adakah Program R&R memberi kesan kepada rekod Central Credit Reference Information System (CCRIS) saya?

Ya. Jika anda berada di bawah Program R&R, akaun pinjaman/pembiayaan anda akan direkodkan sebagai R&R dalam CCRIS. Perkara ini mungkin diambil kira apabila anda memohon pinjaman/pembiayaan pada masa hadapan.

6. Bolehkah saya memohon Program R&R sekiranya saya tidak menghadapi kesukaran bayaran balik / bayaran?

Program R&R direka untuk membantu pelanggan yang menghadapi kesukaran kewangan. Sekiranya anda masih mampu membuat bayaran balik/bayaran seperti biasa, adalah lebih baik untuk meneruskan pengaturian sedia ada.

R&R boleh menyebabkan jumlah kos pembiayaan yang lebih tinggi, tempoh bayaran balik/bayaran yang lebih panjang, serta memberi kesan kepada rekod CCRIS anda. Kami menggalakkan pelanggan untuk mempertimbangkan pilihan ini dengan teliti dan hanya memohon sekiranya benar-benar perlu.